

Temu bual eksklusif C.C. Too di *Galeri Perdana*

Um - 14/5/2007

DALAM usaha memperkenalkan narawarawan yang membantu mencorakkan senario politik ke arah kemerdekaan, *Galeri Perdana* akan menyiarkan kisah Tan Sri Too Chee Chew atau lebih dikenali sebagai C. C. Too.

Seorang patriot negara, C.C. Too memainkan peranan penting dalam perang saraf menentang Parti Komunis Malaya (PKM). Temu bual tersebut akan disiarkan selama empat malam berturut-turut bermula hari ini (14 Mei) hingga 17 Mei pukul 8.30 malam di RTM1.

C.C. Too yang dilahirkan pada 31 Mac 1920 adalah orang tempatan pertama menjadi Ketua Bahagian Perang Saraf dari 1956 hingga 1983. Beliau merupakan seorang patriot negara yang komited dan dedikasi. Masa dan keringat tidak pernah diperhitungkan demi menghapuskan pengaruh PKM.

Tugas utama beliau ialah menanam kesedaran rakyat yang berbilang kaum supaya menolak ideologi komunis dengan bersatu padu dan setia kepada negara serta menjadikan negara ini

tempat yang selesa untuk didiami oleh masyarakat pada masa itu dan generasi akan datang.

Selain melaksanakan perang saraf, beliau juga terlibat dalam menyediakan draf polisi kerajaan British dan Malaya semasa rundingan dengan para pemimpin PKM dan bertanggungjawab menyemai sokongan masyarakat terhadap polisi kerajaan seperti Rancangan Briggs semasa zaman darurat.

C.C. Too yang dilahirkan di Kuala Lumpur mendapat pendidikan awal di sekolah Cina dan menyambung pelajarannya ke Methodist Boys School. Beliau yang cemerlang di peringkat Sijil Cambridge diberi biasiswa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Raffles di Singapura tetapi tidak sempat menamatkan pengajiannya apabila Jepun menyerang Asia Tenggara. Walau ba-



C.C. TOO menggunakan pelbagai kaedah dan taktik dalam perang saraf menentang komunis.

gaimanapun, beliau dianugerahkan Diploma Sains selepas tamat Perang Dunia Kedua pada 1947.

Selepas perang, C.C. Too menjadi orang perhubungan antara ketua komunis dari pertubuhan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) dengan pegawai-pegawai perisikan seberang laut Amerika (OSS). Mereka inilah yang menggelarnya C.C. Too dan nama itu terus sebatu dengan dirinya sehinggalah beliau meninggal dunia pada 1992.


Semasa menjalankan tugas sebagai orang perhubungan tersebut, beliau mula mencurahkan diri dalam perang saraf di mana beliau berjaya mempengaruhi seorang Pemimpin Peringkat Rendah Ko-

munis untuk berpaling tadah.

C.C. Too menggunakan pelbagai kaedah dan taktik dalam perang saraf menentang komunis. Kaedah dan taktik tersebut diceritakan dengan panjang lebar dalam rancangan *Galeri Perdana* yang akan bersiaran selama empat malam berturut-turut.

Rancangan ini juga disiarkan dalam Warta Mandarin pukul 8.00 malam, Warta Tamil, pukul 8.30 malam dan News @ 10, pukul 10.00 malam di RTM2 pada tarikh-tarikh yang sama.

Generasi muda masa kini yang kurang terdedah kepada sejarah perjuangan tokoh-tokoh sebelum merdeka perlu menonton *Galeri Perdana* bagi mengikuti temu bual eksklusif dengan C.C. Too bagi menambahkan pengetahuan am dan mengukuhkan semangat patriotisme selaras dengan aspirasi sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. - RTM



C. C. TOO